

26/02/1997

Kajian EIA lebuhraya dilaksanakan

Ebi Azly Abdullah

KUALA LUMPUR, Selasa - Kajian bagi laporan Penilaian Kesan Alam Sekitar (EIA) untuk cadangan pembinaan lebuhraya menghubungkan tiga kawasan peranginan di Banjaran Titiwangsa, dijangka dilaksanakan tidak lama lagi.

Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Law Hieng Ding, berkata beliau memberi jaminan JAS akan meluluskan permohonan EIA itu secepat mungkin, sebaik saja menerimanya daripada Jabatan Kerja Raya (JKR).

"Kita dijangka menerimanya tidak lama lagi," katanya selepas merasmikan bangunan Akademi Sains Malaysia (ASM) di Jalan Tun Ismail, di sini hari ini. Turut hadir Presiden ASM, Tan Sri Dr Omar Abdul Rahman.

Beliau mengulas perkembangan terbaru berhubung laporan EIA bagi cadangan lebuhraya menghubungkan Genting Highlands, Bukit Fraser dan Cameron Highlands merentasi Banjaran Titiwangsa.

EIA terperinci itu akan mengkaji kesan projek lebuhraya sepanjang 200 kilometer itu terhadap alam sekitar ketika dan selepas pembangunannya.

Sementara itu, ketika dihubungi di pejabatnya, Timbalan Ketua Pengarah JAS, Rosnani Ibrahim berkata, kajian EIA bagi projek lebuhraya terbabit belum dilaksanakan lagi kerana menunggu kelulusan sepenuhnya.

Menurutnya, JAS sudah mengenal pasti skop kajian bagi EIA berkenaan dan menyerahkannya kembali kepada JKR untuk tindakan selanjutnya.

"Ketika ini, perbincangan dijalankan bagi menentukan kos kajian di antara JKR dan Kementerian Kewangan," katanya.

Awal minggu ini, Menteri Kerja Raya Datuk Seri S Samy Vellu mengumumkan penambahan jumlah peruntukan bagi laporan EIA terbabit daripada RM1.5 juta sebelum ini, kepada RM3.5 juta.

Beliau berkata, kerajaan membuat keputusan menambah peruntukan kajian EIA itu bulan lalu, kerana berpendapat ia memerlukan perbelanjaan lebih, berikutan kedudukan ekologi dan alam sekitar kawasan terbabit.

Jumaat lalu, ketika mengulas cadangan projek lebuhraya itu, Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dipetik sebagai berkata, NGO perlu mengikis sikap fanatik terhadap pengekalan alam sekitar kerana pembangunan memerlukan sedikit pengorbanan seperti penebangan pokok.

(END)